

THE TITAN

richworks.com/thetitan

Industry View

3 Nilai Pengajaran
Buat Usahawan Muda
daripada Sir Richard
Branson



RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

6 OKTOBER 2023 | BIL: 56
www.richworks.com

AIMAN AMRAN

KESUNGGUHAN CIPTA KEJAYAAN
DI USIA MUDA



KELINDAN LORI KINI PEMILIK SYARIKAT

Biarpun pernah dipandang rendah sewaktu bekerja sebagai kelindan lori, namun Muhammad Nur Aiman Md Amran (Aiman) tidak pernah berkecil hati atau berputus asa malah berasa semakin bersemangat untuk mengejar cita-cita yang diimpikan.

Mengasaskan syarikat perkhidmatan pemindahan rumah dan pejabat (*mover*) iaitu Packers Malaysia secara bersendirian pada awalnya, beliau kini boleh berbangga apabila perniagaannya itu makin dikenali ramai pada hari ini.

"Bisnes yang saya jalankan ini bermula pada Disember 2021 dan sampailah sekarang yang hampir memasuki dua tahun. Saya bermula seorang diri pada waktu itu selepas tamat pengajian di universiti tempatan.

"Sebagai seorang mahasiswa, memang waktu itu saya tidak mempunyai duit. Jadi, saya pun bekerja secara part time sebagai kelindan lori yang kena angkut dan pindahkan barang.

"Ketika itu, saya nampak perkara ini sebagai satu peluang bagi meraih pendapatan dengan lebih banyak lagi.

"Oleh itu, saya pun transformasikan perkhidmatan ini yang biasanya kelihatan 'comot' di mata orang kepada sesuatu yang lebih moden dengan penambahbaikan dari segi servis dan harga," jelas jejaka berusia 29 tahun ini.

KEGIGIHAN MEMBUKA MATA RAMAI

Tambah beliau, pada awalnya memang ramai yang tidak yakin dengan apa yang diusahakannya. Namun, lama-kelamaan beliau dapat membuka mata mereka apabila beliau betul-betul menunjukkan kesungguhan dalam bisnes yang dijalankan.

"Memang ada ramai yang pandang rendah dan tidak yakin dengan apa yang saya lakukan termasuklah keluarga saya sendiri yang meminta saya untuk mencari kerja yang lebih *proper*.

"Bukan apa, mereka mungkin hanya risau dengan keselamatan dan pendapatan yang saya terima daripadanya sebab waktu itu mereka tak nampak lagi matlamat saya. Namun, semakin lama mereka semakin mengerti apabila nampak hasilnya," kongsinya.

Apalah ertinya dunia perniagaan tanpa cabaran. Seperti usahawan lain, Aiman juga tidak terlepas daripadanya. Walaupun berdepan masalah kewangan, ia sama sekali tidak mematahkan semangatnya untuk mengejar impian bagi bergelar usahawan berjaya.

"Cabaran saya dalam bisnes ini adalah semestinya bagi mengumpulkan modal perniagaan. Saya terpaksa kumpul duit berdasarkan gaji yang diterima setiap hari iaitu di antara RM70 ke RM100 sehari.

"Cabaran yang seterusnya adalah yang paling



susah iaitu ilmu. Jadi, saya beranikan diri dengan bertanya kepada syarikat *mover* yang sudah *established* untuk belajar daripada mereka," katanya.

TIDAK PERNAH LELAH UNTUK BELAJAR

Mahu terus memantapkan diri dan bisnes dengan ilmu yang terkini, beliau mengambil keputusan untuk menyertai program pementoran SPIRE pada April lalu setelah melihat kemajuan bisnes kenalannya yang telah menimba ilmu bersama RichWorks.

"Saya nampak perkembangan beliau sangat cepat. Saya bertanya kepadanya bagaimana cara untuk berkembang sebab saya memang dah *lost* selepas setahun lima bulan berbisnes.

"Saya hanya tekan *boost* di laman Facebook dan tunggu *lead* masuk sahaja. Rakan saya itu kemudian berkongsi caranya dan memaklumkan untuk menghubungi Puan Azwani Osman dari RichWorks untuk mengetahui lebih lanjut mengenainya.

"Sejak dari itu, saya mula sertai SPIRE dan ikuti segala panduan yang disediakan. Sebenarnya, saya juga terima banyak input ketika sesi perkongsian jam lima petang bersama ahli-ahli lain. Apa yang mereka buat, saya cuba aplikasikan.

"Sedikit demi sedikit, saya mulai nampak hasilnya dalam masa empat bulan dan alhamdulillah, kini saya sudah berada dalam program pementoran Titanium pula," ujarnya.







UKIR SENYUMAN DI WAJAH INSAN TERSAYANG

Selain dari segi jualan, beliau juga dapat melihat banyak perkembangan positif dalam syarikat selepas mendapatkan bimbingan daripada SPIRE dan RichWorks.

"Banyak sangat perubahan dan salah satunya adalah bisnes saya kini lebih *automate*. Seperti yang Client Account Executive (CAE) kongsikan iaitu jika kita tak mampu nak buat sesuatu, maka kita perlu gunakan khidmat individu yang mahir untuk melakukannya.

"Jadi, perkara itulah yang saya lakukan untuk bahagian akaun, pemasaran dan sebagainya agar saya dapat fokus kepada perkara lain. Waktu dulu, sayalah yang buat segalanya. Boleh dikatakan kalau di carta organisasi itu semuanya muka sayalah," jelasnya yang kini sudah mempunyai lapan orang staf dalam syarikatnya.

Sudah berjaya mencatat jualan sekitar RM1.49 juta setakat September lalu berbanding RM1.4 juta untuk keseluruhan tahun lepas, beliau juga rasa terharu apabila hasil perniagaannya ini sedikit sebanyak dapat membahagiakan insan-insan tersayang dalam hidupnya.

"Saya sebenarnya merupakan seorang individu yang *family man*. Memandangkan ayah dan emak sudah tidak bersama, jadi saya dapat bantu menaik taraf rumah ayah dari segi *piping*, elektrik dan lain-lain lagi.

"Untuk emak pula, saya dapat pindahkannya daripada menetap di rumah *high rise* ke rumah landed bersama adik-adik lain. Semuanya hasil daripada perniagaan ini.

"Rasa seronok bila dapat berkongsi rezeki bersama orang di sekeliling. Itulah *win* terbesar bagi saya," luahnya menutup bicara.

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang Packers Malaysia, layari www.packersmy.com untuk mendapatkan lebih informasi mengenainya.



3

NASIHAT



PERTAMA, BERNIAGA PERLUKAN ILMU

"Tak dapat banyak, sikit pun tidak mengapa. Yang penting, setiap hari anda perlu berusaha untuk mendapatkannya. Ilmu sangat penting untuk mengelakkan kita daripada terus melanggar dinding."

"Belajar di sekolah perlukan guru dan pengajar untuk mendapatkan ilmu. Sama juga situasinya seperti berniaga atau berbisnes, kita perlukan guru dan pengajar seperti RichWorks," tegasnya.

KEDUA, REKOD KREDIT & DEBIT

"Rekod segala perbelanjaan keluar masuk duit. Ia memang tidak menjana pendapatan tetapi adalah sangat penting untuk anda ketahui 'numbers' sendiri jika mahu mencapai matlamat yang disasarkan," nasihatnya.

KETIGA, UTAMAKAN KEBERKATAN

"Lumrah dalam dunia bisnes, tidak semua yang jujur dengan kita. Tapi, kita tidak perlu jadi seperti mereka. Cuba elakkan perkara sebegitu dan insya-Allah jika anda berniat baik, pasti Allah akan tolong."

"Awalnya dahulu saya hanya nampak untung sahaja. Lepas belajar di RichWorks barulah saya nampak lebih daripada itu iaitu membantu menyelesaikan masalah orang lain. Jadi, bermula dari saat itu *mindset* saya sudah berubah," ujarnya.

3 NILAI PENGAJARAN BUAT USAHAWAN MUDA DARIPADA SIR RICHARD BRANSON

Adakah anda kenal dengan individu yang bernama Richard Branson?

Sir Richard Charles Nicholas Branson adalah seorang tokoh usahawan yang berjaya di mana beliau adalah founder kepada Virgin Group yang mempunyai rangkaian lebih daripada 400 buah syarikat di seluruh dunia.

Branson menyatakan keinginannya untuk menjadi seorang usahawan pada usia muda.

Usaha perniagaan pertamanya, pada usia 16 tahun, adalah majalah yang bernama *Student*.

APA YANG USAHAWAN MUDA BOLEH PELAJARI DARIPADA BELIAU?

1 GAGAL AKADEMIK BUKAN GAGAL SEGALANYA

Tidak mendapat gred A dalam peperiksaan atau kurang cemerlang akademik bukanlah bermakna anda akan gagal dalam segala aspek.

Jangan begitu, itu bukan pengakhiran hidup anda.

Ketika berusia 8 tahun, Richard masih gagal membaca dan menulis huruf serta nombor.

Bakat dalam perniagaan sudah terserlah dalam jiwa Richard sejak dari bangku sekolah lagi.

Ketika berumur 11 tahun, beliau telah menjalankan perniagaan sendiri bersama rakannya Nik Powell.

Mereka telah menjual serta membiak sejenis burung kakak tua yang dikenali 'Budgerigars'. Ayah Richard telah memberi dorongan dengan membina kandang burung.

Jika lihat anak anda ada minat dalam bidang perniagaan, berilah sokongan dan doakan kejayaan buatnya.

Lihat pada diri, apa kelebihan kita. Jangan sia-siakan kelebihan yang dimiliki.

2 NOTA

Pen memang tak dapat dipisahkan dengan hidup Sir Richard Branson. Beliau gemar mencatat setiap idea yang terlintas di fikirannya.

Beliau akan mencatat idea di atas apa sahaja, kertas, meja, sapu tangan atau apa sahaja yang berada di depannya ketika itu.

Baginya, idea yang hadir sepantas lalu mungkin boleh mengubah nasibnya mahupun dunia!

Hari ini lebih mudah, telefon pintar selalu di tangan kita. Pelbagai aplikasi boleh dimanfaatkan.

Anda juga boleh merakam suara tentang idea yang terlintas di fikiran.

3 LUANG MASA BERSAMA KELUARGA

Walaupun sibuk jangan lupa meluangkan masa bersama keluarga.

Selalulah berhubung dengan ibu bapa dan minta mereka mendoakan kejayaan kita.

Jutawan ini tidak pernah mengabaikan keluarga dan memastikan mereka bersarapan bersama pada setiap pagi.

4 BANGUNKAN PASUKAN YANG KUAT

Richard Branson mempunyai lebih daripada 400 rangkaian perniagaan dalam pelbagai sektor, bagaimana beliau boleh mengemudi pasukannya?

Di sini, anda perlu memiliki ilmu kepimpinan. Selain belajar daripada pengalaman sendiri, anda boleh menuntut ilmu kepimpinan menerusi bimbingan mentor yang mempunyai *results*.

Taklah banyak sangat anda langgar ‘tembok’ dan ‘road block’. Malah, boleh capai kejayaan dan merealisasikan impian dengan lebih cepat.



Anjuran Bersama

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

media prima

10X SME BINA BISNES BERJAYA 2023



25-26 NOVEMBER 2023
JOHOR BAHRU

**AYUH USAHAWAN JOHOR,
KUASAI PEMASARAN,
LUASKAN PERNIAGAANMU!**

Bersama
DATUK WIRA
DR. AZIZAN OSMAN



binabisnesberjaya.com

EKSKLUSIF!

GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA


DALAM

Klinik Usahawan SIRI **BINA BISNES** **BERJAYA**

Sesi Transformasi Perniagaan
untuk Usahawan SME



DATUK WIRA
DR AZIZAN OSMAN
MenThor Usahawan Jutawan



Buku Untuk Usahawan
Bakal Jutawan!
+
Sesi Penilaian Perniagaan
Anda berharga **RM497**

100% PERCUMA
DITAJA OLEH RICHWORKS

Mohon di: richworks.com/satujutapertama

E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.